# **KEBANKRAPAN**



#### Notis Kebankrapan

Notis yang dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah untuk tuntutan hutang yang berjumlah \$10,000 atau lebih.

Jika Penghutang gagal untuk menyelesaikan hutang tersebut dalam **7 hari** dari penerimaan notis tersebut, Pemiutang boleh membuat permohonan kepada Mahkamah.





### Perjumpaan Pemiutang Pertama

Perjumpaan bersama Timbalan Penerima Rasmi dan para pemiutang, di mana Timbalan Penerima Rasmi akan menilai pendapatan dan perbelanjaan Penghutang untuk mengetahui kemampuan beliau untuk membayar hutang-piutangnya.

#### Penghutang dikehendaki membawa:

- Borang 'Examinations of Means' yang sudah isi
- Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kewangan Penghutang, seperti slip gaji dan sebagainya.





#### **Permohonan Pemiutang**

Permohonan Pemiutang akan diperdengarkan di Mahkamah Tinggi. Semasa pendengaran tersebut, Penghutang hendaklah memberikan cadangan untuk pembayaran hutang.



#### Cadangan Diterima

Pembayaran akan dipantau oleh pemiutang.

Kes akan ditangguhkan sementara.

#### Cadangan Tidak Diterima

Perintah Penerimaan (Receiving Order) akan dijatuhkan terhadap Penghutang.

Penghutang dijatuhkan separuh muflis.



### Perintah Pembayaran

Setelah dinilai kemampuan Penghutang, beliau akan diminta untuk membuat <u>cadangan pembayaran</u>.

Jika para pemiutang **bersetuju** dengan cadangan tersebut, Timbalan Penerima Rasmi akan membuat perintah pembayaran bulanan.

Jika para pemiutang **tidak bersetuju** dengan cadangan tersebut, Timbalan Penerima Rasmi akan menilai semula kemampuan Penghutang.



Jika Penghutang **tidak berkemampuan** untuk membuat cadangan, Pemiutang berhak untuk memohon kepada Mahkamah untuk Penghutang dijatuhkan muflis sepenuhnya.



## Pembayaran Bulanan

Timbalan Penerima Rasmi akan membuka satu akaun Penerima Rasmi di kank untuk mengumpul pembayaran bulanan dari Penghutang.

#### Cara-cara pembayaran bulanan:

- 1) Pemotongan bayaran dari akaun simpanan Penghutang
- 2) Penghutang membayar sendiri ke dalam akaun Penerima Rasmi melalui kaunter, Mesin Deposit Tunai (CDM) atau 'online transfer'





#### Dividen

Timbalan Penerima Rasmi bertanggungjawab untuk memantau pembayaran bulanan Penghutang dan membuat komposisi pembayaran kepada para pemiutang/mengisytiharkan dividen dari masa ke semasa.



Dividen akan dibayar, secara pro-rata, kepada pemiutang-pemiutang yang memfailkan bukti hutang-piutang mereka.



### Pembatalan

#### Penghutang di bawah Perintah Penerimaan

Selepas pembayaran sepenuhnya/pengisytiharan dividen terakhir, Pemiutang boleh memohon kepada Mahkamah untuk membatalkan Perintah Penerimaan tersebut. Penghutang akan dikeluarkan dari kebankrapan selepas permohonan tersebut diluluskan oleh Mahkamah.



# Penghutang di bawah Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman

Selepas pengisytiharan dividen terakhir, Pemiutang boleh memohon kepada Mahkamah untuk membatalkan Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman tersebut. Penghutang akan dikeluarkan dari kebankrapan selepas permohonan tersebut diluluskan oleh Mahkamah.

*E-mel* • kebankrapan@judicial.gov.bn

Laman web • http://www.judiciary.gov.bn